

AXCEL IRIDIN LINCTUS

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Pholcodine (10mg/5ml)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axcel Iridin Linctus.
2. Bagaimana Axcel Iridin Linctus berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Iridin Linctus.
4. Cara menggunakan Axcel Iridin Linctus.
5. Semasa menggunakan Axcel Iridin Linctus.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Iridin Linctus.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL IRIDIN LINCTUS

Axcel Iridin Linctus boleh digunakan untuk melegakan batuk yang tidak produktif atau merengsa yang dikaitkan dengan selsema, sinusitis (keradangan pada selaput sinus hidung), influenza dan jangkitan pada saluran atas pernafasan.

BAGAIMANA AXCEL IRIDIN LINCTUS BERFUNGSI

Pholcodine adalah perencat batuk dan mempunyai kesan sedatif yang melegakan rengsangan setempat pada saluran pernafasan selama 8 sehingga 10 jam. Ia digunakan untuk melegakan batuk yang tidak produktif. Pholcodine mempunyai sedikit atau tiada sifat analgesik (ubat yang melegakan kesakitan). Dos terapeutik pholcodine tidak menyebabkan tekanan pernafasan, rangsangan CNS, sembelit atau kesan lain yang berkaitan dengan narkotik. Pholcodine bukan euphorigenik (menimbulkan rasa keseronokan yang berlebihan), oleh itu kebergantungan psikologikal tidak menjadi masalah.

SEBELUM MENGAMBIL AXCEL IRIDIN LINCTUS

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi terhadap pholcodine atau mana-mana komponen dalam produk ini.

Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Iridin Linctus anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda hamil dan menyusukan anak.
- Jika anda menghadapi masalah pernafasan.
- Jika anda mempunyai masalah hati.

Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- Alkohol dan produk depresi sistem saraf pusat (CNS)

CARA MENGGUNAKAN AXCEL IRIDIN LINCTUS

Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja.

Dewasa: 5-7.5 ml, 3 kali setiap hari atau setiap 8 sehingga 10 jam.

Kanak-kanak: 5-14 tahun: 2.5-5 ml, 3 kali setiap hari atau setiap 8 sehingga 10 jam.

Kanak-kanak: 2-5 tahun: 1-2.5 ml, 3 kali setiap hari atau setiap 8 sehingga 10 jam.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan masa yang sesuai untuk anda mengambil Axcel Iridin Linctus mengikut jenis jangkitan yang anda alami.

Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk

mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Iridin Linctus mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Mengantuk, keresahan, keterujaan, ataksia (pergerakan yang tidak selaras), kekeliruan dan depresi pernafasan mungkin berlaku akibat terlebih dos.
- Rawatan mestilah simptomatik dan ventilasi mungkin diperlukan.

Anda dinasihatkan untuk menghubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Iridin Linctus berlebihan.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL IRIDIN LINCTUS

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubat lain.
- Ambil Axcel Iridin Linctus mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Iridin Linctus lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebiki dos pada setiap satu masa pengambilan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda mempunyai masalah pernafasan, asma.
- Jika anda mempunyai masalah fungsi hati.

AXCEL IRIDIN LINCTUS

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Pholcodine (10mg/5ml)

- Ubat ini boleh menyebabkan anda mengantuk. Jika mengambil, jangan memandu atau mengendalikan mesin.
- Jika anda mengandung atau menyusukan bayi.

KESAN- KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Iridin Linctus boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku berikut telah dilaporkan:

- Rasa loya,
- Muntah-muntah.
- Selepas pengambilan dos yang tinggi, anda mungkin berasa gelisah, mengantuk, teruja, ataksia (kelemahan dalam mengawal koordinasi pergerakan seperti biasa) dan masalah pernafasan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL IRIDIN LINCTUS

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Iridin Linctus dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C.

Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Jangan guna Axcel Iridin Linctus yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilpusukan melalui air buangan, atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Iridin Linctus ialah cecair berwarna ungu dengan perisa blackcurrant.

Bahan - bahan kandungan

Bahan Aktif:

Pholcodine

Bahan Tidak Aktif:

Refined sugar, propylene glycol, citric acid anhydrous, glycerin, menthol crystal, sodium saccharin, trisodium citrate dihydrate, methylparaben, purified water, brilliant blue, cherry red dan blackcurrent flavor.

Nombor MAL

MAL09020970A

PENGILANG DAN

PEMEGANG PENDAFTARAN

PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RiMUP

21/08/2014